


Fa'il Pelaku

Kata فَاعِل (*fa'il*) ialah derivasi daripada kata فَعَلَ yang bererti entiti yang melakukan sesuatu perbuatan, iaitu pelaku. Entiti ini terbahagi kepada dua, iaitu entiti bernyawa dan entiti tidak bernyawa. Pada dasarnya, ada perkaitan antara pelaku dengan sesuatu perbuatan memandangkan setiap kata kerja Arab yang aktif (فِعْلٌ مَعْلُومٌ) datang bersama-sama pelakunya.

Misalnya, Allah SWT berfirman dalam ayat 85 *Surah al-Isra'*: (وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ ...) yang bermaksud, "Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh ...". Ayat ini mengandungi kata kerja يَسْأَلُونَ (bertanya) dan pelaku bagi perbuatan ini ialah mereka (هُمْ) yang bercirikan entiti bernyawa, iaitu golongan kafir.

Berbeza daripada ayat 15 *Surah al-Nazi'at*: (هَلْ أَتَاكَ حَدِيثٌ مُوسَى) yang bermaksud, "Sudahkah sampai kepadamu (Muhammad) perihal Nabi Musa?" yang ada perlakuan sampai (أَتَى). Namun begitu, pelaku bagi perbuatan tersebut berunsur entiti tidak bernyawa, iaitu berita (حَدِيثٌ). Memandangkan signifikannya mengenal pasti pelaku (*fa'il*) bagi sesuatu perbuatan dalam ujaran Arab, maka ada pendekatan tertentu yang seharusnya diterapkan bagi menentukan elemen pelaku seperti rajah yang berikut:



Rajah Metode penentuan pelaku (*fa'il*).

Secara asasnya, jenis *damir* (kata ganti nama) yang melatari kata kerja Arab akan mempengaruhi laras pelaku sama ada berbentuk kata nama zahir atau kata ganti nama terlindung. Sekiranya suatu kata kerja mengandungi *damir* هُوَ atau هِيَ, maka pelakunya berbentuk kata nama zahir yang *marfu'*. Contohnya, ayat 10 *Surah al-Ahqaf* (... وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ ...) memperlihatkan penggunaan kata kerja شَهِدَ (memberikan keterangan) dengan *damir* هُوَ. Maka itu, pelakunya berbentuk kata zahir *marfu'* (شَاهِدٌ), iaitu saksi.

Yang pasti adalah apabila suatu kata kerja Arab mengandungi *damir* selain هُوَ dan هِيَ, maka pelakunya berbentuk *damir* terlindung. Misalnya, ayat 10 *Surah Saba'* (وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُودَ مِنَّا فَضْلًا) yang mengandungi perlakuan memberikan (آتَيْنَا) dengan *damir* نَحْنُ (Kami). Maka itu, pelaku bagi perbuatan tersebut berbentuk *damir* terlindung, iaitu Kami (نَحْنُ) yang merujuk Allah SWT.

Pada masa yang sama, terdapat kata kerja dalam al-Quran yang mengandungi *damir* هُوَ atau هِيَ yang pelakunya seharusnya berbentuk kata zahir *marfu'*, namun tanda *marfu'* berkenaan tidak diserlahkan. Contohnya, ayat 24 *Surah al-Ra'd* (وَقَدْ مَكَرَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ) yang mengandungi perlakuan merancang (مَكَرَ) dengan *damir* هُوَ. Pelakunya sewajarnya berbentuk kata zahir *marfu'*, tetapi pelaku dalam ujaran berkenaan ialah الَّذِينَ (golongan yang), iaitu kata zahir yang tiada tanda *marfu'* kerana kata الَّذِينَ bercirikan *mabniy*, iaitu baris akhir kata yang tetap.

Selain itu, ada kata kerja Arab dengan *damir* هُوَ atau هِيَ yang pelakunya seharusnya berbentuk kata zahir, namun *fa'il*nya berbentuk *damir* terlindung. Misalnya, ayat 70 *Surah Hud* (فَلَمَّا رَأَىٰ أَيْدِيَهُمْ) yang menyerlahkan kata kerja رَأَىٰ (melihat) dengan *damir* هُوَ.

Pelakunya sewajarnya berbentuk kata zahir, tetapi *fa'il*nya berbentuk *damir* terlindung (هُوَ) yang merujuk Nabi Ibrahim a.s. Oleh hal yang demikian, penentuan pelaku (*fa'il*) bagi kata kerja Arab menuntut penelitian mendalam dan holistik agar entiti pelaku bagi suatu perbuatan tepat dan selari dengan makna teks asal. ❸